

**ADAT KEMATIAN DALAM KALANGAN KUMPULAN ETNIK
BAJAU LAUT DI KAMPUNG BANGAU-BANGAU,
SEMPORNA, SABAH**
***DEATH RITUALS AMONG THE BAJAU LAUT ETHNIC GROUP
IN KAMPUNG BANGAU-BANGAU, SEMPORNA, SABAH***

ROZALIAH MOKHTAR¹

¹Program Sosiologi dan Antropologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

azliah.zai@gmail.com

Tarikh dihantar: 13 Ogos 2020 / Tarikh diterima: 30 Oktober 2020

ABSTRAK Komuniti Bajau Laut adalah rumpun peribumi yang mendiami beberapa kawasan di Asia Tenggara. Sebahagian besar etnik Bajau Laut masih mengamalkan adat tradisional dalam sistem sosial mereka. Artikel ini akan melihat perubahan yang telah berlaku dalam adat kematian etnik Bajau Laut. Antara persoalan kajian yang dikemukakan adalah sejauhmana perubahan dalam adat kematian etnik Bajau Laut dan kedua, melihat faktor yang mempengaruhi perubahan. Artikel ini menggunakan analisis data berbentuk kualitatif. Hasil daripada penyelidikan ini menunjukkan bahawa terdapat perubahan dalam adat namun terdapat sebahagian kecil daripada mereka masih berpegang dengan adat nenek moyang. Hal ini terbukti berdasarkan ukiran batu nisan dan replika yang ditempatkan di kawasan perkuburan.

Kata kunci: Kematian, perubahan, nenek moyang, tradisional, Bajau Laut.

ABSTRACT *Bajau Laut community is an indigenous group that inhabits several areas in Southeast Asia. The Bajau Laut community is an ethnic group that most still practice traditional customs in their social system. Therefore, this paper looks at the extent to which changes have taken place in the Bajau Laut ethnic death customs. Among the research questions posed are the extent of changes in the customs of the death of the Bajau Laut ethnic group, secondly look at what factors influence the change. This paper uses qualitative data analysis. The results of this research show that there are changes in customs but there is a small part of them still adhere to ancestral customs. This is evidenced by the tombstones and replicas carved in the cemetery.*

Keywords: *Death, change, ancestors, traditional, Bajau Laut.*

PENGENALAN

Menurut Malinowski (1884–1942), kematian merupakan suatu peristiwa yang menyedihkan kerana akan memisahkan hubungan manusia dan duniawi. Greeley (1995: 27) pula menyatakan kepercayaan tentang kematian adalah salah satu perkara yang sangat penting dan krisis kehidupan yang terakhir. Dalam al-Quran, kematian dinyatakan sebagai bercerai roh daripada badan, tetapi kematian bukanlah satu babak penyudah kehidupan di dunia. Malah, kematian juga sebagai suatu proses sementara bagi menempuh kehidupan yang kekal abadi bermula dari alam kubur. Perkara ini jelas menunjukkan setiap makhluk tidak akan terlepas daripada kematian. Pemisahan roh dari jasad untuk pertama kali adalah ketika kita masih berada di alam roh adalah saat kematian yang pertama. Firman Allah SWT, “Setiap yang bernyawa akan merasai mati dan sesungguhnya pahala kamu akan dibalas pada hari Kiamat” (Surah Ali ‘Imran, ayat 185). Selain itu, kematian juga boleh dirujuk dalam Surah Ali Imran ayat 185, iaitu “Kematian akan mengejar ke mana saja kita berada, kematian akan tiba pada bila-bila masa tanpa diundang dan tanpa menerima tempoh”.

Oleh itu, suatu kematian merupakan ketetapan yang tidak boleh ditolak dan dari itu secara tidak langsung telah menjadi satu kepercayaan atau adat. Di samping itu, pengertian adat yang diberikan oleh sarjana Barat amat berbeza jika dibandingkan dengan pengertian dalam kalangan masyarakat Melayu dan sarjana Islam. Bagi perspektif Melayu, pengkaji akan melihat kepada pengertian adat, adat lambang kebudayaan Melayu, kategori adat, asas pembentukan adat serta adat bagi masyarakat Melayu, sementara konsep adat menurut perspektif syariah Islam pula, pengkaji akan melihat dari sudut pengertian adat dan urf, syarat-syarat penerimaan adat serta syarat mengambil kiraan urf dan adat (Mohd Anuar, 2006; Norazit, 2001). Oleh itu, kajian ini adalah sebagai langkah awal ke arah analisis yang terperinci bagi mengetahui tujuan sebenar pembabitan sarjana Barat terhadap adat Melayu ini yang dikatakan sama sekali bertentangan dari sudut syarak.

Manusia yang juga pengamal adat akan berusaha untuk memelihara kesucian adat yang telah diamalkan sejak turun-temurun (Gregory & Noria, 2020). Walau bagaimanapun, situasi adat akan berubah mengikut budaya dan

agama yang dianuti. Masyarakat Bajau Laut merupakan etnik yang sebahagian besarnya masih mengamalkan adat tradisional dalam sistem sosial mereka (lihat misalnya, Mohd Farit & Humin, 2018 dan Erren Jossie & Humin, 2019). Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Bajau merupakan suku kaum peribumi yang ketiga terbesar di Sabah dan terbahagi pada dua golongan, iaitu Bajau Laut yang tinggal di timur Sabah dan Bajau Darat tinggal di barat Sabah, yang masing-masing bertutur dalam dialek yang berbeza. Kebanyakan etnik Bajau Laut terdapat di pesisir pantai terutamanya di perairan Semporna. Selepas berlaku transformasi, masyarakat Bajau Laut sebahagian besarnya telah mendirikan rumah kediaman di daratan atau di pesisir pantai pulau-pulau berhampiran seperti Pulau Mabul, Dinawan, Si Amil, Omadal, Bohey Dulang, Timba-Timba, Mataking dan lain-lain pulau di perairan sekitar Semporna. Seorang ahli Antropologi menjelaskan bahawa suku kaum Bajau laut adalah rumpun peribumi yang mendiami beberapa kawasan di Asia Tenggara (Nimmo, 1968; Sather, 1997 & Gusni, 2003).

Bajau Laut ialah golongan Sama-Bajau yang telah pun mengasaskan kehidupan sedentari. Di bahagian pantai timur Sabah khasnya di daerah Semporna, proses sedentari ini berlaku secara intensif sekitar tahun 1950-an (Carol, 1984). Mereka hidup secara berkelompok di petempatan yang diasaskan di kawasan tepi laut dan di atas tanah yang mengalami keadaan pasang surut air laut. Pada asalnya keluarga-keluarga yang menghuni kampung-kampung tersebut saling mempunyai hubungan kekeluargaan. Walau bagaimanapun, baik di bahagian pantai barat mahupun di bahagian pantai timur Sabah, sebilangan besar dari kampung Bajau Laut ini tidak diwartakan sebagai tanah simpanan negeri bagi petempatan bumiputera. Seperti juga kaum Sama Pala'u, didapati masih ramai dalam kalangan Bajau Laut yang tidak memiliki dokumen kewarganegaraan. Kini, terdapat lebih kurang 12,000 populasi Sama DiLaut di Sabah, 7,000 daripadanya terdapat di daerah Semporna. Daripada jumlah itu, 5,000 orang mendiami Kampung Bangau-Bangau. Kini, 3,250 orang daripada jumlah 5,000 itu belum memiliki dokumen kewarganegaraan Malaysia, walaupun sebenarnya ibu bapa mereka ialah keturunan Sama Semporna. Mereka berumur di antara 15 hingga 50 tahun. Hal ini disebabkan ragam hidup mereka yang saban hari berada di laut dan jahil tentang soal dokumen kewarganegaraan (Fail Ketua Kampung Bangau-Bangau, t.t).

METODOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, metodologi ditakrifkan sebagai satu set cara bagaimana sesebuah penyelidikan dijalankan. Peranan metodologi ini hanyalah membantu penyelidik mendapatkan semua data yang diperlukan bagi membolehkan persoalan kajian terjawab. Set metodologi ini seperti sumber, alat kajian dan set soalan kajian bukan sahaja sah tetapi ia juga perlulah mempunyai realibiliti atau darjah kepercayaan. Ia bertujuan memberikan penjelasan terhadap metodologi kajian yang terdiri dari pendekatan, sumber data, kaedah memperoleh data dan kaedah memproses/menganalisis data. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu satu kajian kes berkenaan komuniti Bajau Laut di Kampung Bangau-Bangau. Kajian kes ini tidak menggunakan pensampelan populasi bagi menentukan peratusan responden yang mewakili seluruh populasi. Sebaliknya, kajian ini hanya menggunakan *key informant* (pemberi maklumat) yang berwibawa tentang kes yang dikaji.

ADAT KEMATIAN BAJAU LAUT

Sama seperti etnik lain, masyarakat Bajau Laut juga tidak kurang hebat disebabkan keunikan dalam budaya kehidupan mereka lebih-lebih lagi jika berkaitan dengan adat kematian. Perbincangan ini akan melihat dengan lebih terperinci berkaitan perubahan-perubahan dalam adat kematian etnik Bajau Laut melalui beberapa peringkat dalam upacara kematian, di samping melihat keunikan budaya mereka dalam kehidupan seharian. Sebagaimana mengikut peredaran zaman etnik Bajau Laut masih melaksanakan warisan nenek moyang mereka. Walaupun mengalami perubahan, akan tetapi pegangan atau amalan ini masih kuat kerana jelas kelihatan jika diteliti dalam adat kematian seperti kenduri, batu nisan dan pantang larang serta adat lain untuk mengukuhkan personaliti etnik Bajau Laut itu sendiri. Justeru, adat ini akan diketahui berdasarkan tiga peringkat upacara kematian iaitu sebelum, semasa dan selepas pengebumian.

Apabila berlaku kematian dalam kalangan masyarakat Bajau Laut, khabar ini akan diumumkan dengan kadar segera kepada masyarakat di kawasan itu dengan hanya menggunakan komunikasi yang mana keluarga terdekat akan

mewar-warkan kepada masyarakat di sekitarnya dengan menyatakan bahawa si polan telah meninggal dunia, diikuti dengan tangisan yang kuat. Demikian itu, orang dari seluruh pelosok kawasan akan datang menziarahi beramai-ramai dan membawa sedikit makanan untuk kenduri si mati, manakala para wanita akan bekerjasama memasak untuk kenduri si mati. Selain itu, menziarah adalah salah satu cara untuk meringankan kesedihan keluarga yang mendapat musibah kehilangan orang tersayang. Jika sebelum ini, jenazah diusung menggunakan perahu kini berlaku perubahan apabila masyarakat ini menggunakan keranda. Ia menunjukkan etnik Bajau Laut juga mengalami arus pemodenan sama seperti etnik lain. Walaupun adat kematian mereka sama dengan etnik lain, terdapat beberapa perkara yang berbeza dalam proses-proses pengebumian jenazah. Artikel ini akan menerangkan setiap upacara yang akan dijalankan oleh etnik Bajau Laut dalam menguruskan hal kematian.

SEBELUM UPACARA KEMATIAN

Bagi yang beragama Islam, upacara solat jenazah akan diadakan. Keadaan ini berbeza dengan adat dan upacara yang dianuti oleh nenek moyang mereka, yang mana tidak ada upacara menyembahyangkan jenazah. Pada asalnya, upacara ini juga terdapat dalam adat kematian suku Bajau Laut kerana menurut cerita, pada asalnya mereka memang beragama Islam tetapi setelah beberapa generasi hidup di laut-kepulauan, maka mereka tidak lagi tahu tentang Islam. Sebaliknya, kepercayaan mereka bertukar berasaskan fenomena alam yang mereka anggap dikuasai oleh makhluk jin. Perkara ini jelas apabila pengkaji menemu bual informan yang menyatakan bahawa hanya seorang imam yang akan menyembahyangkan jenazah ketika dahulu ini disebabkan kurang berpengetahuan dalam urusan tersebut. Bagaimanapun, pada hari ini, dengan pengetahuan agama yang mendalam seperti mempelajari al-Quran dan memahami maksudnya membolehkan lebih ramai yang berkebolehan untuk turut serta menyembahyangkan jenazah dan hasilnya bukan sahaja imam tetapi orang ramai juga tahu melaksanakan solat jenazah ini. Menurut Imam Gunung, salah yang arif tentang komuniti Bajau Laut menyatakan;

“Pada waktu dulu hanya disembahyangkan oleh imam sahaja kerana dia sahaja yang mengetahui.”

(temu bual, Imam Gunung, 20 April 2015)

SEMASA PENGEMBUMAN

Komuniti Bajau Laut masih menjalankan adat-adat pengebumian di lepa, jika tidak mempunyai rumah. Bagi komuniti Bajau Laut dahulu semasa waktu pengebumian jenazah akan diusung menggunakan perahu (*boggo*), berbeza pula dengan cara sekarang di mana jenazah akan diusung menggunakan keranda. Menurut informan dari suku Bajau Laut, disebabkan sebelum ini Bajau Laut menetap di lepa/perahu, maka perahu digunakan untuk membawa jenazah. Kini, cara itu tidak lagi diamalkan kerana mereka sudah tinggal di rumah. Sebaliknya, kini perahu tersebut hanya akan diletakkan di atas kubur si mati. Menurut informan lagi, kadang-kadang perahu tersebut akan diubah suai untuk dijadikan dinding bagi menutup liang kubur si mati semasa upacara pengebumian dan perahu itu tidak boleh disedekahkan kepada orang lain.

“Pada waktu dulu berperahu... tiada rumah jadi si mati akan diletakkan di dalam perahu yang bekas rumah orang Bajau Laut oleh kerana itu diletakkan di perahu. Mereka sememangnya orang berumah berperahu akan tetapi sekarang tidak sudah diamalkan kerana ada rumah sudah. Hanya diletakkan di atas kubur. Rumah perahu tersebut kadang-kadang akan diubah suai dahulu untuk dijadikan dinding untuk menutup liang semasa pengebumian dan perahu tersebut tidak boleh disedekahkan.”

(temu bual, Imam Gunung, 20 April 2015)

Selain itu, semasa pengebumian dijalankan, jenazah akan dikebumikan bersama barang-barang miliknya yang selalu digunakan semasa hayatnya. Barang-barang tersebut tidak boleh disedekahkan kepada orang lain. Menurut informan lagi, bagi jenazah lelaki barang-barang yang disertakan biasanya baju, seluar dan jaring ikan, *bujjak* (panah) dan beberapa barang keperluan lain, manakala bagi jenazah perempuan alat perhiasan seperti cincin, pakaian dan barangan perempuan akan disertakan bersama-sama ke dalam liang lahad. Selain itu, menurut informan kubur yang diletakkan pelita dan bendera putih menandakan si mati baharu meninggal.

“Kalau dulu ya... mengikut orang tua-tua barang-barang si mati sewaktu hidupnya akan dikirimkan bersama apabila waktu pengebumiannya kerana tidak ada memberi sedekah pada waktu dulu. Sama juga seperti

lelaki dan perempuan barang seperti pakaian, seluar, alatan-alatan perhiasan dan sebagainya.”

(temu bual, Imam Gunung, 20 April 2015)

MEMANDIKAN DAN MENGAFANKAN

Bajau Laut juga mengamalkan adat memandikan dan mengafankan. Menurut Imam Gunung,

“Kalau di mana menurut informan iaitu Imam Gunung sebelum dimandikan upacara membaca Surah Yasin akan dijalankan terlebih dahulu. Dalam beberapa jam kemudian waktu memandikan jenazah akan dijalankan, informan berkata semasa memandikan jenazah pada waktu dahulu bahan-bahan yang hanya digunakan ialah air, bedak, santan ataupun wangi-wangian sahaja. Sekarang hampir sama juga dengan dahulu kerana informan 2 juga menerangkan terdapat beberapa bahan-bahan untuk memandikan jenazah antaranya air, sabun, bedak dan bunga-bunga.”

(temu bual, Imam Gunung, 20 April 2015)

Selain itu, menurut Imam Gunung, masyarakat ini menggunakan kulit kelapa untuk dijadikan tempat air bagi menyiram jenazah. Ia dilakukan kerana pada masa dahulu belum terdapat jag air. Kulit kelapa haruslah dicantikkan terlebih dahulu agar memudahkan pengaliran air. Pada hari ini, penggunaan jag akan memudahkan proses memandikan jenazah dilakukan dengan mudah. Sebelum ini, jenazah yang dimandikan akan dibacakan dengan manteramantera tertentu (Saidatul Nornis, 1999 dan 2010). Namun, pada hari ini, sebagai ganti akan ayat-ayat al-Quran akan dibaca semasa memandikan jenazah. Menurut Imam Gunung lagi, pada masa dahulu, sesiapa pun boleh memandikan jenazah. Namun, pada hari ini, jenazah akan dimandikan oleh golongan pakar seperti imam dan bidan yang bertauliah. Selepas memandikan mayat, ia akan diikuti pula dengan mengafankan jenazah. Semasa era 1950-an dan 1960-an dahulu, etnik Bajau Laut yang meninggal akan dikafankan dengan kain yang pelbagai jenis warna jika tidak terdapat kain berwarna putih. Berlainan pula dengan sekarang di mana dengan pengetahuan agama, jenazah yang akan dikafankan hanya menggunakan kain putih, iaitu untuk wanita dengan telekung dan kelengkapan lain, manakala bagi lelaki seluar

dengan kelengkapan yang lain. Selain itu, dahulu sewaktu dikafankan kedua-dua mata jenazah akan diletakkan dengan duit syiling.

Terdapat perbezaan antara lelaki dan wanita dalam pemakaian kain putih. Bagi jenazah lelaki, tiga lapis kain putih akan digunakan dan bagi perempuan, lima lapis kain putih akan digunakan. Daripada hasil temu bual pengkaji ini dapat dirungkaikan bahawa proses mengafankan menjadi perkara penting dalam menyempurnakan melaksanakan upacara pengebumian.

“Pada waktu dulu barang-barang untuk memandikan si mati adalah air, bedak kalau tiada hanya diwangi-wangikan sahaja. Tetapi pada waktu dulu menggunakan kulit kelapa untuk dijadikan tempat simpan air bagi memandikan si mati ini disebabkan tiada tempat air (jag) untuk memandikan si mati. Dengan mencantikkan kulit kelapa bagi menyimpan air untuk memandikan si mati dan menyiram kubur si mati. Sekarang menggunakan jag air sudah.”

(temu bual, Imam Gunung, 20 April 2015)

Sementara itu, menurut seorang lagi informan, Makcik Maniailan,

“Kalau yang sekarang sudah ada pengalaman ada sudah sabun, santan dengan bedak dan bunga-bunga kalau sekarang. Semasa dikapankan akan diletakkan siling di bahagian mata tetapi sekarang tidak diamalkan sudah.”

(temu bual, Mak cik Maniailan, 20 April 2015)

“Sekarang sama juga dengan dahulu di mandikan dengan bedak, sabun tapi mesti dimandikan dengan bersih.”

(temu bual, Mak cik Mussa’awan, 23 April 2015)

UPACARA MENYEMBAHYANGKAN JENAZAH

Majlis pengebumian tidak akan sempurna tanpa menyembahyangkan jenazah. Hal yang sama juga terdapat dalam adat kematian etnik Bajau Laut kerana pegangan yang kuat ke atas amalan nenek moyang. Perkara ini jelas apabila pengkaji menemu bual informan yang menyatakan bahawa hanya seorang imam sahaja akan menyembahyangkan jenazah ketika dahulu ini disebabkan

kurang berpengetahuan dalam menyembahyangkan jenazah. Pada hari ini pula, pengetahuan agama yang mendalam seperti mempelajari al-Quran dan memahami maksudnya membolehkan lebih ramai yang berkemampuan untuk turut serta menyembahyangkan jenazah. Hasilnya bukan sahaja imam tetapi orang ramai juga tahu menjalankan solat jenazah (temu bual, Imam Gunung, 20 April 2015).

UPACARA PENGEBUMIAN JENAZAH

Setelah selesai memandi, mengafan dan menyembahyangkan jenazah upacara diteruskan dengan pengebumian di mana jenazah mula diusung ke tanah perkuburan untuk dikebumikan. Bagi masyarakat Bajau Laut dahulu, semasa pengebumian jenazah akan diusung menggunakan perahu (*boggo*), berbeza dengan amalan sekarang di mana jenazah akan diusung menggunakan keranda kerana menurut informan etnik Bajau Laut sebelum ini tinggal di perahu dan tidak berumah. Oleh itu, mereka menggunakan perahu untuk dijadikan tempat membawa jenazah. Kini, ia tidak diamalkan kerana mereka sudah mempunyai rumah. Perahu tersebut hanya akan diletakkan di atas kubur si mati. Menurut informan lagi, kadang-kadang perahu tersebut akan diubah suai untuk dijadikan dinding bagi menutup liang kubur si mati semasa upacara pengebumian dan perahu itu tidak boleh disedekahkan kepada orang lain.

Pada waktu dulu berperahu... tiada rumah jadi si mati akan diletakkan di dalam perahu yang bekas rumah org bajau laut oleh kerana itu diletakkan di perahu. Mereka sememangnya orang berumah berperahu akan tetapi sekarang tidak sudah diamalkan kerana ada rumah sudah. Hanya diletakkan di atas kubur. Rumah perahu tersebut kadang-kadang akan diubah suai dahulu untuk dijadikan dinding untuk menutup liang semasa pengebumian dan perahu tersebut tidak boleh disedekahkan.

(temu bual, Imam Gunung, 20 April 2015)

Selain itu, semasa pengebumian dijalankan, jenazah akan dikebumikan bersama barang-barang miliknya yang selalu digunakan di rumah semasa hidupnya. Menurut informan lagi, bagi jenazah lelaki, barang-barang yang dikirim disedekahkan adalah seperti baju, seluar dan jaring ikan, *bujjak* (panah) dan barang keperluan lain, manakala bagi jenazah perempuan, alat

perhiasan seperti cincin, pakaian dan barangan perempuan akan dimasukkan bersama-sama ke dalam liang lahad. Hasil daripada pemerhatian pengkaji dan temu bual mendapati bahawa perkara tersebut tidak lagi dilakukan akan tetapi mereka hanya meletakkan barangan di atas atau di tepi kubur si mati. Selain itu, menurut informan, kubur yang diletakkan pelita dan bendera putih menandakan si mati baharu meninggal.

“Kalau dulu ya... mengikut orang tua-tua barang-barang si mati sewaktu hidupnya akan dikirimkan bersama apabila waktu pengebumiannya kerana tidak ada memberi sedekah pada waktu dulu. Sama juga seperti lelaki dan perempuan barang seperti pakaian, seluar, alatan-alatan perhiasan dan sebagainya.”

(temu bual, Imam Gunung, 20 April 2015)

MAG BANGI (KENDURI ARWAH)

Kenduri kematian (*bangi*) merupakan satu amalan yang dilaksanakan oleh segelintir masyarakat semasa berlaku kematian. Secara tradisi, kenduri ini akan dilaksanakan mengikut kemampuan ahli keluarga si mati dalam mendoakan roh agar sejahtera dan selamat ditempatkan di alam yang baik. Justeru, pengkaji telah mendapatkan kenyataan daripada seorang informan yang menyatakan bahawa hanya kenduri akan diadakan dan diakhiri pada waktu hari kematian sahaja. Kenduri arwah biasanya akan mengambil masa selama tiga hari sahaja. Namun, agak berbeza pada hari ini di mana kenduri (*bangi*) hanya akan sampai hari ketujuh sahaja. Jika kenduri diadakan, ia hanya untuk doa selamat atau dijamu iaitu pada hari kesepuluh, dua puluh, empat puluh dan seratus.

“Selepas dikebumikan tiada sudah makan tujuh hanya makan pada waktu itu sahaja dan tiada sudah untuk kenduri (*magjikil*) kerana hanya akan di akhiri pada waktu itu.... Kalau sekarang bangi akan hanya sampai hari ke 7 sahaja kalau ada untuk jamu-jamu sahaja seperti bangi 10 (*sangpuk*), 20 (*duampuk*) dan 100 (*dahatus*) yang paling utama makan ketiga dan ketujuh sekarang.”

(temu bual, Imam Gunung, 20 April 2015)

Tempoh kenduri menunjukkan sama ada keluarga tersebut berkemampuan atau tidak. Hal ini demikian kerana kenduri akan diadakan berdasarkan kemampuan keluarga si mati. Jika keluarga tidak berkemampuan, kenduri hanya akan diadakan pada hari kematian sahaja, manakala bagi keluarga yang berkemampuan, kenduri akan diadakan lebih daripada tiga hari. Selain itu, pada masa dahulu, kenduri diadakan tanpa upacara (*magjikal*), berbeza seperti upacara yang dijalankan pada hari ini. Namun, pada masa kini (*magjikal*) dijalankan kerana masyarakat Bajau Laut tidak solat, walaupun mereka beragama Islam. Perkara ini diperakui oleh beberapa responden. Menurut Mak cik Maniailan, “*tiada... mereka tidak mengadakan kenduri (bangi) hanya sampai tiga hari sahaja*” (temu bual, Mak cik Maniailan, 20 April 2015). Sementara itu, Mak cik Mussa’awan menyatakan “*ada juga kenduri bagi yang mampu makan 20, 40, 100 tapi bagi kami yang susah tiada sudah hanya makan tujuh sahaja*” (temu bual, Mak cik Mussa’awan, 23 April 2015)

MAGJAGA KUBUL (MENJAGA KUBUR)

Adat menjaga kubur juga terdapat dalam etnik Bajau Laut. Aktiviti menjaga kubur bermula selepas jenazah dikebumikan. Daripada temu bual yang dijalankan, kebanyakan informan menyatakan bahawa amalan menjaga kubur si mati tidak ada pada waktu dahulu kerana hari kematian akan diakhiri selepas jenazah dikebumikan. Namun pada hari ini, adat ini telah mengalami perubahan di mana menjaga kubur telah menjadi amalan. Menurut informan, tujuan pelita diletakkan di atas kubur si mati untuk dijadikan lampu bagi menerangi kubur tersebut. Dahulu, amalan ini tidak dibuat dan amalan meletakkan pelita adalah bergantung pada kehendak keluarga.

“Pada waktu kematian dulu tiada (*manglami-lami*) berjaga-jaga dan tidak tempat tidurnya akan tetapi sekarang ada *magjaga-jaga* dan tempat tidur juga disediakan.”

(temu bual, Imam Gunung, 20 April 2015)

PAHABAKAN A'AH AMATAI (MENYEDIAKAN TEMPAT TIDUR SI MATI)

Sebagaimana etnik Bajau lain, etnik Bajau Laut juga turut melaksanakan penyediaan tempat tidur si mati. Jelas di sini bahawa tempat tidur adalah bekas pembaringan si mati sebelum dikebumikan. Bagi masyarakat Bajau Laut, suatu ketika dahulu mereka tidak menyediakan tempat tidur kerana bagi mereka, setelah upacara pengebumian selesai, maka berakhirlah semua pada waktu itu. Berbeza pula pada masa kini yang mana komuniti ini mula menyediakan *pahabakan* (tempat tidur si mati) yang dilengkapi dengan barang-barang si mati. Makanan akan diletakkan di atas katil ataupun di bahagian tepi katil. Namun, terdapat sedikit percanggahan antara informan di mana seorang daripada mereka menyatakan tempat tidur si mati disediakan juga sewaktu dahulu.

“Kalau yang dulu hampir sama juga dengan sekarang tempat tidurnya diletakkan barang- barangnya sama ada pakaian ataupun makannya.”

(temu bual, Mak cik Maniailan, 20 April 2015)

PANTANG LARANG

Seperti masyarakat lain, Bajau Laut juga mempunyai pantang larang semasa berlaku kematian. Terdapat beberapa pantang larang yang harus dipatuhi oleh yang orang hidup iaitu sebelum ataupun selepas jenazah dikebumikan. Menurut Imam Gunung, seseorang tidak boleh makan di rumah orang yang kematian kecuali selepas jenazah dikebumikan kerana perbuatan sedemikian dikatakan kurang sopan dan tidak menghormati si mati. Pada masa kini, adat ini masih diamalkan.

“Pada hari kematian perkara yang tidak boleh dilakukan ialah tidak boleh makan di tempat kematian kecuali selepas si mati dikebumikan baru boleh makan.”

(temu bual, Imam Gunung, 20 April 2015)

Menurut Mak cik Maniailan, aktiviti seperti membakar ikan, makan tebu dan mencari kutu dianggap kurang sopan dan dikhuatiri nasib malang

akan menimpa mereka. Namun, pada hari ini terdapat pantang larang yang tidak lagi diamalkan oleh masyarakat Bajau Laut iaitu membakar ikan, sementara aktiviti yang lain masih diamalkan.

“Pantangnya kalau dulu tidak boleh membakar ikan, makan tebu dan mencari kutu tiga itu tidak boleh dilakukan. Sekarang membakar ikan tidak sudah digunakan akan tetapi mencari kutu masih diamalkan.”

(temu bual, Mak cik Maniailan, 20 April 2015)

Selain itu, informan menyatakan bahawa sekiranya kematian, ia akan diketahui melalui pemakaian iaitu kebiasaannya jika berlaku kematian suami si isteri akan bertudung putih menandakan dia sudah menjadi balu. Selain itu, semua ahli keluarga ditegah untuk memecahkan barang-barang seperti pinggan, mangkuk dan cawan kaca kerana boleh membawa nasib malang kepada keluarga iaitu menurut mereka kematian akan berlaku sekali lagi.

BATU NISAN, LUHUL, DINDING HALI DAN PAYUNG-PAYUNG SERTA PANJI-PANJI

Daripada pemerhatian dan temu bual pengkaji tentang batu nisan menunjukkan bahawa ia merujuk kepada status si mati sama ada perempuan, lelaki ataupun kanak-kanak. Batu nisan masyarakat Bajau Laut boleh dikatakan unik kerana dengan jelas akan diketahui status kubur tersebut kerana mereka akan memberi tanda seperti bentuk bulat bagi lelaki dan leper bagi perempuan. Namun, mereka juga meletakkan tudung dan mengukir-ukir batu nisan menjadi bentuk menyerupai muka seseorang. Selain itu, kubur di kawasan tersebut mempunyai banyak batu nisan. Menurut informan, perkara ini berlaku disebabkan kawasannya yang kecil dan mereka mengambil jalan penyelesaian untuk menyatukan liang lahad bagi sekeluarga. Selain itu, individu yang mempunyai pangkat jelas kelihatan pada batu nisan. Batu nisan biasanya akan lebih besar berbanding dengan yang lain. Menurut Mak cik Mussa’awan, “*tidak cukup... kalau satu keluarga akan dikumpulkan satu liang... kalau dilihat sangat banyak kubur*” (temu bual, Mak cik Mussa’awan, 23 April 2015).

Bagi penggunaan *luhul* pula, masyarakat Bajau Laut memasang *luhul* sebagai atap yang berfungsi sebagai tempat perlindungan atau kepada si mati. Sebagaimana seseorang itu mempunyai rumah untuk tempat berteduh, *luhul* turut menjadi simbol bagi melindungi kubur daripada sebarang perkara yang tidak diinginkan. Pemerhatian di kawasan perkuburan di Kampung Bangau-Bangau, Semporna mendapati banyak *luhul* yang dipasang di tepi kawasan tanah perkuburan. Seperti juga masyarakat Bajau lain, penggunaan payung dan panji juga turut menjadi simbol dalam mengenali status si mati. Kedua-dua objek ini ada semasa upacara pengebumian dijalankan dan kedua-duanya mesti berwarna yang sama.

“Itulah orang kata kalau dalam Melayu tidak tahu apa dipanggil tapi kalau kita di panggil *luhu* iaitu tempat untuk menutup kubur ibarat sapau (tempat berteduh).”

(temu bual, Imam Gunung, 20 April 2015)

Bagi menentukan kedudukan, darjat dan usia seseorang adalah dengan melihat kepada tingkat payung sama ada sedikit ataupun banyak kerana akan mempengaruhi jumlah peralatan tersebut. Jika diperhatikan setiap jumlah payung memiliki jumlah tingkat yang berbeza. Merujuk kepada susunan payung mempunyai tiga tingkat tujuh tingkat dan sembilan tingkat ini adalah gambaran usia golongan tua. Sebaliknya, bagi yang mempunyai pangkat adalah lebih banyak daripada golongan biasa. Bagi kanak-kanak pula, ia biasanya diketahui melalui panji bersaiz kecil. Untuk mengetahui jantina si mati, seseorang perlu melihat kepada jumlah tingkat payung. Bagi lelaki, payung yang digunakan biasanya ganjil dan genap bagi wanita. Menurut informan, panji kecil menandakan kanak-kanak dan panji besar mewakili golongan dewasa. Selain itu, panji tinggi menandakan golongan tua yang meninggal. Menurut Imam Gunung, “*tanda itu ialah imam, panglima, bilal yang mempunyai pangkat. Macam tulah pangkat panglima iaitu gelarannya lah macam datuk Shafie*” (Imam Gunung 20 April 2015). Mak cik Maniailan pula menyatakan bahawa “*sekarang peraturannya bagi kanak-kanak berbeza dengan dewasa dari segi bendera iaitu bersaiz kecil bagi kanak-kanak berbeza dengan dewasa dari segi bendera iaitu bersaiz kecil bagi kanak-kanak dan bendera besar serta mempunyai payung adalah orang dewasa*” (temu bual, Mak cik Maniailan, 20 April 2015).

Peralatan lain seperti *dinding hali* adalah beberapa keping papan keras dan tahan lama yang diperbuat daripada kayu belian. Kayu ini akan digunakan untuk menutup jenazah semasa upacara pengebumian. Biasanya, kayu ini bersaiz dua puluh inci lebih ke atas, manakala lebarnya adalah tujuh inci. Ukuran ini mengikut saiz kedalaman lubang kubur. Dinding ini digunakan oleh etnik Bajau Laut pada masa sekarang. Namun, berlainan pula apabila menggunakan perahu untuk membawa jenazah untuk dijadikan dinding menutupi kubur si mati iaitu perahu akan dileraikan menjadi kepingan papan mengikut saiz lubang kubur bagi menutup liang lahad. Mengikut informan, etnik Bajau Laut suatu ketika dahulu menetap di rumah perahu dikenali sebagai *boggo*.

“Rumah perahu tersebut kadang-kadang akan diubah suai dahulu untuk dijadikan dinding untuk menutup liang semasa pengebumian dan perahu tersebut tidak boleh disedekahkan.”

(temu bual, Imam Gunung, 20 April 2015)

KESIMPULAN

Etnik Bajau Laut memiliki nilai budaya yang unik. Salah satu keunikan tersebut dapat dilihat melalui adat kematian, bermula dari proses semasa kematian hingga selesai pengebumian jenazah. Adat kematian menjadi gambaran bagi menilai identiti etnik Bajau Laut di Kampung Bangau-Bangau, Semporna. Walau bagaimanapun, disebabkan berlaku perubahan dalam adat kematian, maka sedikit demi sedikit beberapa proses dalam adat kematian terhapus disebabkan pengaruh proses pemodenan. Ia termasuklah proses asimilasi etnik Bajau Laut yang tinggal di rumah perahu suatu masa dulu berbanding sekarang tinggal di perkampungan air khususnya di kawasan Semporna. Berkaitan dengan adat kematian, walaupun pada hakikatnya bertentangan dengan ajaran Islam, mereka masih kuat mengamalkan adat yang lama.

Dalam hal ini, proses asimilasi yang dialami oleh etnik Bajau Laut menjangkau beberapa generasi dan akhirnya telah mencipta satu corak kehidupan baharu dalam sosiobudaya mereka. Selain itu, kebiasaan hidup dengan kawasan laut telah memberi ruang kepada etnik ini untuk

menghubungkan sumber dan idea bagi mengukuhkan budaya yang diwarisi secara turun-temurun biarpun berada dalam arus perubahan. Untuk memelihara budaya etnik Bajau Laut agar terus diamalkan, kesepakatan antara masyarakat dengan pemimpin diperlukan agar dapat terus bertahan untuk tatapan generasi akan datang. Proses perubahan ini telah memperlihatkan bahawa adat kematian etnik Bajau Laut di Kampung Bangau-Bangau, Semporna, pada dasarnya berubah dan memberi impak terhadap pemeliharaan warisan nenek moyang mereka. Oleh itu, adat kematian merupakan satu budaya yang akan menerangkan atau memperkenalkan secara tidak langsung tentang latar belakang etnik Bajau pantai timur khususnya Bajau Laut.

RUJUKAN

- Erren Jossie Baeren & Humin Jusilin. (2019). Eksplorasi zat warna alami batik dalam konteks warna tradisi etnik di Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 25, 71–87.
- Fail Ketua Kampung Bangau-Bangau (t.t).
- Greeley, A. M. (1995). *Sociology and religion: A collection of readings*. New York: HarperCollins.
- Gregory Kiyai @ Keai & Noria Tugang. (2020). Artifak budaya masyarakat Iban: Warisan dan pusaka. *Jurnal Kinabalu*, 26(1), 59–71.
- Gusni Saat. (2003). *Komuniti Samah-Bajau di bandar*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Malinowski, B. (1960). *A scientific theory of culture*. New York: Oxford University Press.
- Mohd Anuar Ramli. (2006). Instrumen urf dan adat Melayu sebagai asas penetapan hukum semasa di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 254–258.
- Mohd Farit Azamuddin Musa & Humin Jusilin. (2018). Ikonografi motif pada senjata tradisional gayang etnik Bajau Sama di Kota Belud. *Jurnal Kinabalu*, 14, 163–175.
- Nimmo, H.A.H. (1968). Reflections on Bajau history. *Philippine Studies*, 16(1), 32–59.
- Norazit Selat. (2001). Adat Melayu: Kesenambungan dan perubahan. Dlm. Abdul Latiff Abu Bakar (ed.) *Adat Melayu Serumpun*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali (1999). Mantera: Satu penelitian awal di kalangan petani Bajau. *Jurnal Kinabalu*, 5, 51–82.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2010). *Adat dan ritual kematian di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Sather, C. A. (1974). Cultural affiliation in eastern Sabah and Sulu province. *Borneo Research Bulletin*, 6(1), 15–16.

TEMU BUAL

Imam Gunung, 20 April 2015, Kampung Bangau -Bangau, Semporna, Sabah.

Mak cik Maniailan, 20 April 2015, Kampung Bangau -Bangau, Semporna, Sabah.

Mak cik Mussa'awam, 23 April 2015, Kampung Bangau-Bangau, Semporna, Sabah.

